

04 OCT 1996

MTUC GESA KERAJAAN BEKUKAN PENGAMBILAN PEKERJA TIDAK MAHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menggesa kerajaan supaya membekukan pengambilan pekerja tidak mahir dari negara jiran dan membatalkan permit kerja pekerja asing yang sedia ada.

Presidennya Zainal Rampak berkata walaupun terdapat laporan bahawa perkara itu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, tetapi usaha perlu diambil supaya tidak ada majikan yang dapat mengambil kesempatan daripada peraturan itu.

"Masalah-masalah sosial yang berpunca daripada pekerja asing begitu berleluasa di seluruh negara untuk lebih satu dekad, tetapi hanya mendapat perhatian media pada masa sekarang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini.

Selaras dengan itu, MTUC menyokong pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing.

Zainal berkata walaupun kemasukan pekerja asing mungkin dapat menyelesaikan segera masalah keperluan tenaga buruh untuk majikan, tindakan itu seharusnya dijadikan sebagai langkah sementara untuk melindungi kepentingan negara bagi tempoh jangka panjang. -- BERNAMA

WE AKD